



Faktor Kegemilangan Kerajaan Uthmaniyah

1

Pentadbiran

- Pemerintah berperanan dengan berkesan sebagai Ketua tentera, Ketua Agama dan Hakim tertinggi.
- Pemerintah menyelaraskan pemerintahan dan keagamaan dibantu oleh pegawai pentadbiran.
- Penguasaan laluan di antara benua Eropah dengan benua Asia apabila menguasai Selat Dardanelles dan Selat Bosporus.
- Sultan mendapat sokongan yang kuat daripada rakyat kerana kedudukannya yang tertinggi dalam pentadbiran.

2

Keilmuan

- Menjadikan masjid sebagai pusat perkembangan ilmu sehingga mencapai kedudukan yang tinggi dalam bidang ilmu pengetahuan, pembangunan, falsafah, kesenian seni bina dan teknikal.
- Menaik taraf dan membina institusi masjid seperti Masjid Kabsah di Algeria bagi merencanakan aktiviti keagamaan.
- Menubuhkan pelbagai institusi pendidikan seperti madrasah, sekolah akademik dan sastera, maktab tentera, kolej perubatan dan sebagainya.
- Menubuhkan pusat-pusat penyelidikan sejarah dan kesusasteraan Islam.
- Sarjana muslim telah menghasilkan banyak karya seperti penulisan ensiklopedia – berkaitan sains Islam.

3

Ekonomi

- Mengamalkan dasar ekonomi yang terbuka melalui keterlibatan pedagang muslim dan bukan Islam dalam urusan perdagangan telah meluaskan pengaruh ilmu-ilmu Islam seperti teknik pertanian dan produk Islam.
- Istanbul menjadi kota perdagangan timur dan barat, dunia Islam dan bukan Islam.

4

Ketenteraan

- Semangat jihad yang tinggi dalam kalangan tentera Islam dalam mempertahankan agama dan negara.
- Menjaga kebajikan tentera dengan menyelaraskan sistem kenaikan pangkat, imbuhan dan kelengkapan senjata yang moden.
- Tentera Islam mempunyai semangat ghazi, iaitu semangat menjadi pahlawan yang sanggup berkorban untuk menyebarkan agama Islam tanpa perasaan gentar.
- Mempunyai tentera Janissari – kumpulan tentera elit yang terlatih dan berkemahiran dalam latihan fizikal dan persenjataan seperti selok-belok, taktik dan teknik peperangan sejak kecil.
- Mempunyai tentera darat yang kuat seperti tentera berkuda dan tentera laut yang mempunyai 300 buah kapal mengawal keselamatan di Laut Mediteranean.
- Sultan memberi sanjungan yang tinggi kepada tentera yang berjaya dalam peperangan dengan hadiah seperti tanah ladang.

5

Sosial

- Penjagaan kebajikan rakyat menerusi bantuan kepada golongan yang memerlukan sehingga terjalin hubungan erat antara kerajaan dan rakyat.
- Mewujudkan suasana harmoni dalam masyarakat.
- Sistem wakaf yang sistematik meliputi aspek keperluan asas, kesihatan dan pendidikan.
- Kerajaan menjalankan dasar berteraskan diplomasi dan toleransi terutama hubungan baik antara kerajaan dan rakyat.